



## جاپتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

### Soalan :

As salam,

Jika kemaluan depan atau belakang ada luka yang berdarah sedikit (bukan keluar dari lubang qubul dan lubang dubur) adakah batal wuduk?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

### Jawapan :

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah ﷻ, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad ﷺ beserta keluarga dan sahabatnya ﷺ, dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad ﷺ sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudara, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Dalam sebuah hadis yang disebut oleh Imam Bukhari dalam kitabnya “*Sahih Bukhari*” dalam bab menerangkan orang yang berpendapat tentang batalnya wudhu’ adalah keluarnya sesuatu dari qubul ataupun duburnya, seperti berikut :

"باب: مَنْ لَمْ يَرَ الْوُضُوءَ إِلَّا مِنَ الْمَخْرَجَيْنِ: مِنَ الْقُبُلِ وَالذُّبُرِ.

وَقَوْلُ اللَّهِ تَعَالَى: {أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُم مِّنَ الْغَائِطِ} المائدة: 6.

وَقَالَ عَطَاءٌ - فَيَمْنُ يَخْرُجُ مِنْ دُبْرِهِ الدُّوْدَ، أَوْ مِنْ ذَكَرِهِ نَحْوُ الْقُمَّلَةِ - يَعِيدُ الْوُضُوءَ. وَقَالَ جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ: إِذَا ضَحَكْتَ فِي الصَّلَاةِ أَعَادَ الصَّلَاةَ وَلَمْ يَعِدِ الْوُضُوءَ. وَقَالَ الْحَسَنُ: إِنْ أَخَذَ مِنْ شَعْرِهِ وَأَطْفَارِهِ، أَوْ خَلَعَ حُقَيْهِ فَلَا وَضُوءَ عَلَيْهِ. وَقَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ: لَا وَضُوءَ إِلَّا مَنْ حَدَثَ. وَيُذَكِّرُ عَنْ جَابِرِ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ فِي غَرُوبَةِ ذَاتِ الرِّقَاعِ فَرَمِيَ رَجُلٌ بِسَهْمٍ فَتَرَفَهُ الدَّمُ فَرَكَعَ وَسَجَدَ وَمَضَى فِي صَلَاتِهِ وَقَالَ الْحَسَنُ مَا زَالَ الْمُسْلِمُونَ يُصَلُّونَ فِي جِرَاحَاتِهِمْ وَقَالَ طَاوُسٌ وَمُحَمَّدُ بْنُ عَلِيٍّ وَعَطَاءٌ وَأَهْلُ الْحِجَازِ لَيْسَ فِي الدَّمِ وَضُوءٌ وَعَصَرَ ابْنُ عُمَرَ بِثَرَّةٍ فَخَرَجَ مِنْهَا الدَّمُ ، وَلَمْ يَتَوَضَّأْ وَبَرَاقَ ابْنُ أَبِي أُوْفَى دَمًا فَمَضَى فِي صَلَاتِهِ وَقَالَ ابْنُ عُمَرَ وَالْحَسَنُ فَيَمْنُ يَحْتَجِمُ لَيْسَ عَلَيْهِ إِلَّا غَسْلُ مَحَاجِمِهِ. "

Bermaksud : “*Bab pada menerangkan orang yang berpendapat tentang batalnya wudhu’ adalah keluarnya sesuatu dari qubul ataupun duburnya, firman Allah ﷻ dalam surat al-Maidah ayat 6 bermaksud :*

“*ataupun telah datang dari kalangan kamu daripada tempat buang air(tandas).*”

*Dan berpendapatlah Atha’ : tentang orang yang keluar cacing dari duburnya atau seumpama kutu yang keluar dari zakarnya (kemaluan depan bagi lelaki ) maka hendaklah dia mengulangi wudhu’nya (wudhu’nya batal). Dan berkatalah Jabir bin Abdillah :Apabila seseorang ketawa dalam solatnya, maka hendaklah ia mengulangi solat tersebut dan tidak perlu mengulangi wudhu’nya (wudhu’nya tidak batal). Berkata pula Hasan Basri: jika seseorang memotong kuku atau rambutnya ataupun mencabut stokinnya, maka tidak perlu mengulangi wudhu’nya.*

*Berkata Abu Hurairah : Tidak perlu mengambil wudhu’ kecuali orang yang berhadass. Disebutkan dari Jabir bahawa Nabi Muhammad ﷺ pada waktu perang Dzatir Riqah’, ada seseorang terkena lemparan anak panah, yang menyebabkan darah keluar mengalir, lalu ia tetap rukuk dan sujud dan meneruskan solatnya. Al-Hasan berkata: Kaum muslimin tetap mengerjakan solat dalam keadaan tubuh badan mengalami luka-luka. Thawus, Muhammad bin Ali, Atha’ dan ulama Hijaz berkata : Tidak wajib wudhu’ kerana darah yang keluar. Ibnu*

*Umar memicit jerawatnya, lalu keluar darah, namun beliau tidak berwudhu' lagi. Ibnu Abi Aufa telah meludah dan lendirnya adalah darah, namun beliau tetap melanjutkan solatnya. Ibnu Umar dan Al Hasan berkata tentang orang yang berbekam, bahawa tidak perlu berwudhu' lagi, kecuali hanya mencuci bekas bekamnya saja."*

Berkata Imam Nawawi dalam kitabnya "majmuk" :

"إِخْتَجَّ أَصْحَابُنَا بِحَدِيثِ جَابِرٍ: أَنَّ رَجُلَيْنِ مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ حَرَسَا الْمُسْلِمِينَ لَيْلَةً فِي غُزْوَةِ ذَاتِ الرِّقَاعِ، فَقَامَ أَحَدُهُمَا يُصَلِّي، فَجَاءَ رَجُلٌ مِنَ الْكُفَّارِ فَرَمَاهُ بِسَهْمٍ فَوَضَعَهُ فِيهِ، فَزَرَعَهُ، ثُمَّ رَمَاهُ بِآخَرَ، ثُمَّ بِثَالِثٍ، ثُمَّ رَكَعَ وَسَجَدَ وَدِمَاؤُهُ تَجْرِي. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ فِي سُنَنِهِ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ.

وَاحْتَجَّ بِهِ أَبُو دَاوُدَ، مُوَضِّحًا أَنَّهُ خَرَجَتْ دِمَاءٌ كَثِيرَةٌ وَاسْتَمَرَ فِي الصَّلَاةِ، وَلَوْ نَقَضَ الدَّمُ لَمَّا جَارَ بَعْدَهُ الرُّكُوعَ وَالسُّجُودَ وَاتِّمَامَ الصَّلَاةِ، وَعَلِمَ النَّبِيُّ ﷺ ذَلِكَ وَلَمْ يُنْكِرْهُ."

Bermaksud : *Telah berhujah (menjadikan sebagai dalil) sahabat-sahabat kami dengan hadis daripada Jabir ; "sesungguhnya ada dua orang lelaki daripada kalangan sahabat Rasulullah ﷺ yang ditugaskan sebagai pengawal orang-orang islam pada waktu malam dalam satu peperangan **Dzatir Riqat**', maka telah berdiri salah seorang daripadanya untuk bersolat. Tiba-tiba telah datang seorang lelaki kafir memanah tepat kena pada pengawal yang sedang solat tersebut, lalu ia mencabut panah tersebut, kemudian lelaki kafir itu memanah lagi kali ke dua dan ketiga (tepat kena pada pengawal yang solat tersebut). Tetapi (walaupun dalam keadaan kena panah tiga kali dengan kafir tersedut) lelaki pengawal tersebut tetap terus sujud dan rukuk dalam keadaan darahnya sentiasa mengalir." Hadis riwayat abu daud dalam kitab sunannya dengan taraf sanadnya Hasan.*

*Imam abu daud telah berhujah dengan penjelasannya, bahawa pengawal tersebut banyak keluar darah yang berterusan dalam solatnya. Seandainya darah itu membatalkan solat, nescaya tidak boleh rukuk, sujud dan menyempurnakan solat. Dan peristiwa itu diketahui Nabi ﷺ dan beliau tidak mengingkarinya"*

Sebagaimana disebutkan dalam kitab *Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyah Al-Kuwaitiyah* seperti berikut;

"اِخْتَلَفَ الْفُقَهَاءُ فِي نَقْضِ الْوُضُوءِ أَوْ عَدَمِ نَقْضِهِ بِخُرُوجِ شَيْءٍ مِنَ النَّجَاسَاتِ مِنْ سَائِرِ الْبَدَنِ غَيْرِ السَّبِيلَيْنِ  
فَقَالَ الْمَالِكِيُّ وَالشَّافِعِيُّ: إِنَّهُ غَيْرُ نَاقِضٍ لِلْوُضُوءِ، وَإِنَّمَا يَلْزَمُ تَطْهِيرُ الْمَوْضِعِ الَّذِي أَصَابَتْهُ النَّجَاسَةُ الْخَارِجَةُ  
مِنْ سَائِرِ الْبَدَنِ، وَيَبْقَى الْوُضُوءُ إِلَّا إِذَا انْتَقَضَ بِسَبَبٍ آخَرَ."

Bermaksud : “ Terdapat perbezaan pendapat ulama-ulama fiqh berkaitan dengan samaada batal wudhu’ ataupun tidak, disebabkan keluar najis dari tubuh selain dari dua jalan (qubul dan dubur). **Ulama Malikiyyah dan Syafiiyyah** berpendapat ; bahawa keluar najis (termasuk darah) dari tubuh tidak membatalkan wudhu’. Yang wajib hanya menyucikan tempat yang terkena najis yang keluar dari tubuh tersebut, sementara wudhu’ tetap sah kecuali wudhu’ batal dengan sebab yang lain.”

Satu kaedah lagi ialah menggunakan pembalut pada tempat luka tersebut. Ini berasaskan kepada hadis dibawah ini :

عَنْ جَابِرٍ، قَالَ خَرَجْنَا فِي سَفَرٍ فَأَصَابَ رَجُلًا مِّنَّا حَجْرٌ فَشَجَّهَ فِي رَأْسِهِ ثُمَّ اخْتَلَمَ فَسَأَلَ أَصْحَابَهُ فَقَالَ هَلْ تَجِدُونَ لِي رُخْصَةً فِي التَّيْمُمِ فَقَالُوا مَا نَجِدُ لَكَ رُخْصَةً وَأَنْتَ تَقْدِرُ عَلَى الْمَاءِ فَاغْتَسَلَ فَمَاتَ فَلَمَّا قَدِمْنَا عَلَى النَّبِيِّ ﷺ أُخْبِرَ بِذَلِكَ فَقَالَ " قَتَلُوهُ قَتَلَهُمُ اللَّهُ أَلَا سَأَلُوا إِذْ لَمْ يَعْلَمُوا فَإِنَّمَا شِفَاءُ الْعِيِّ السُّؤَالُ إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيهِ أَنْ يَتَيَمَّمَ وَيَعْصِرَ ". أَوْ " يَعْصِبَ ". شَكَ مُوسَى " عَلَى جُرْحِهِ خِرْقَةً ثُمَّ يَمْسَحُ عَلَيْهَا وَيَغْسِلُ سَائِرَ جَسَدِهِ "

daripada Jabir RA, katanya: “Kami keluar bermusafir. Tiba-tiba seorang daripada kami terkena batu sehingga menyebabkan kepalanya luka. Kemudian dia mengalami mimpi (hingga keluar mani). Selepas terjaga dia bertanya kepada sahabat-sahabatnya, “Adakah kamu fikir ada keringanan bagiku untuk bertayammum?” Mereka menjawab: “Kami tidak mendapati keringanan bagi kamu kerana kamu mampu mendapatkan air.” Lalu dia pun mandi dan terus meninggal dunia. Apabila kami menemui Rasulullah SAW dan memberitahu Baginda, Baginda pun bersabda: “Mereka telah membunuhnya dan Allah akan membunuh mereka. Kenapakah mereka tidak bertanya sekiranya tidak tahu? Hanya dengan bertanya boleh menghilangkankan

keraguan. Sebenarnya memadai dia bertayammum dan membalut lukanya dengan kain perca, seterusnya menyapu air di atas balutan dan mandi ke seluruh badannya.” Riwayat Abu Daud (336)

Maka hasil penelitian diatas, dapat kami simpulkan secara umumnya, bahawa :

1. Jika darah tersebut merupakan **darah yang keluar dari badannya sendiri dan keluar dengan sendirinya**, maka darah tersebut dihukumkan sebagai najis ma'fu (najis yang di maafkan atau tidak wajib dibersihkan), baik darah tersebut sedikit ataupun banyak.
2. Jika darah tersebut **bukan darah yang keluar dari tubuhnya melainkan darah yang keluar dari tubuh orang lain, atau darah tersebut keluar dari tubuhnya sendiri atas tindakannya sendiri**, maka dihukumkan sebagai **najis** apabila banyak dan **wajib dibersihkan**. Jika sedikit, maka dihukumkan sebagai **najis yang di maafkan atau tidak wajib dibersihkan**.

Namun begitu dalam Mazhab Asy-Syafie telah memperkenalkan satu istilah dikenali sebagai “*Al-Jabirah*” bermaksud balutan yang diletakkan ke atas anggota yang retak atau tercedera untuk membalutnya. Di dalam kitab fiqh permasalahan ini disebut sebagai *al-Mashu ‘ala Jabair wa al-Asaib* (المسح على الجبائر والعصائب) iaitu menyapu ke atas balutan yang patah dan luka. (al-fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-imam al-Syafie, Jilid 1, Halaman 68).

Begitu juga dalam pandangan Mazhab Syafi’e yang asah dan muktamad bahawa pesakit yang memakai balutan kerana sesuatu keperluan dari segi perubatan, maka pesakit tersebut wajib melakukan perkara tersebut ketika mengangkat hadas kecil iaitu:

- i. Membasuh sebahagian dari anggota yang tidak berbalut (bagi anggota yang sihat).
- ii. Menyapu balutan (Jabirah) keseluruhannya dengan air (bukan membasuh).
- iii. Bertayammum sebagai ganti anggota wudhu’ yang tidak terkena air.

Jadi berkaitan dengan persoalan tuan ini, **tidak batal wudhu’** jika darah keluar dari selain lubang qubul dan dubur. Jika keluar melalui dua lubang tersebut maka **batal wudhu’**, melainkan orang-orang yang ada penyakit kencing tidak lawas sehingga terpaksa

menggunakan kantung kencing diluar kemaluan, cumanya selagi mana tidak keluar air kencing dari kantung tersebut maka **tidak batal wudhu**'.

Cuma kami mensarankan kepada pihak tuan, seandainya **darah itu sentiasa mengalir**, maka digalakan tuan **bersihkannya atau lap dengan kain, kemudian balut atau lekat dengan selotip / plaster / handsplast dan sebagainya** supaya darah tidak mengalir keluar.

Rujukan :

- 1) Al-Quran dan terjemahannya.
- 2) Sahih Bukhari, jilid 1 bab 36, m/s 56, darul Fikri, Damsyik Bairut.
- 3) kitab Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyah Al-Kuwaitiyah, no. 141.
- 4) Kitab Majmuk Imam Nawawi.
- 5) al-fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-imam al-Syafie.